

15 AUG 1998
Osu-Mahathir
UMNO SABAH IKRAR SOKONG DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Umno Sabah menyuarakan sokongan tidak berbelah-bahagi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menurut ketuanya Datuk Osu Haji Sukam, sokongan padu kepada Perdana Menteri dan Presiden Umno itu bukan sahaja akan menguntungkan negara dan rakyat, malah memberi kekuatan kepada kerajaan untuk menangani sebarang masalah.

"Datuk Seri, teruskanlah perjuangan yang belum selesai ini. Kami akan tetap di belakang Datuk Seri," kata Osu selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah di hadapan Perdana Menteri pada satu perhimpunan bersama rakyat di sini.

Beliau mengingatkan anggota Umno mengenai tanggungjawab mereka meneruskan sokongan kepada Dr Mahathir yang mereka pilih untuk menerajui parti itu.

"Ini soal prinsip. Kita tidak pilih seseorang pemimpin sebagai presiden bagi parti kita dan kemudian cuba pula menggugat beliau. Perbuatan seperti itu tidak ikhlas kepada Dr Mahathir, kepada parti dan negara," katanya pada perhimpunan lebih satu jam yang dihadiri 10,000 orang di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas di sini.

Osu yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, sokongan padu terhadap Dr Mahathir yang disuarakan oleh Umno Sabah itu tidak bermakna anggota parti itu menentang pemimpin Umno yang lain.

"Yang kita tentang ialah sebarang ura-ura, jika ada, untuk menjatuhkan pemimpin," katanya.

Osu juga mengingatkan anggota parti agar menghindar daripada gejala berpuak-puak dalam parti yang akhirnya akan membawa perpecahan.

Katanya anggota Umno perlu memelihara budaya peralihan kuasa yang tertib dalam parti itu yang terbukti telah berjaya mengukuhkan kedudukan parti.

-- BERNAMA
JS MAI